

28/07/2000

Siaran langsung melalui Internet

Hardi Effendi Yaacob

LEBIH RM1 juta dilaburkan Cosmos Discovery bagi membangunkan perkhidmatan interaktif baru, OctoCast bagi kegunaan individu yang melayari laman web mereka, Octopus Online, sejak tiga bulan lalu.

Ketua Pegawai Eksekutif Cosmos Discovery, Damien Leong, berkata ia membolehkan temubual, sidang media, forum, pelancaran produk, mesyuarat agung, majlis anugerah, seminar dan sebagainya disiarkan secara langsung.

"Cuma, anda perlu memiliki peralatan teknologi maklumat (IT) yang lengkap, termasuk kemudahan Internet dan kami menawarkan segala-galanya. Sebab itulah, kami bersedia memberikan kerjasama kepada mana-mana pihak yang mahu menggunakannya dengan dikenakan bayaran tertentu.

"Malah, kami ada menawarkan pakej istimewa berharga antara RM15,000 hingga RM200,000," katanya kepada Persada Seni, kelmarin.

Terdahulu, Damien menghadiri sesi taklimat perkhidmatan interaktif baru itu di kalangan media tempatan.

Hadir sama Pengurus Media Cosmos Discovery, Gary Low, dan Pengurus Kanan - Kandungan Laman Web (Bahasa Inggeris) Octopus Online, June Mong.

Kata Damien, OctoCast mempunyai pelbagai kelebihan berbanding saluran media sedia ada terutamanya radio dan televisyen.

"Bayangkanlah, jika Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berucap sama ada di Perancis atau Amerika Syarikat, anda boleh mengikuti ucapannya, tidak kiralah di mana saja anda berada.

"Anda cuma memerlukan komputer peribadi yang dilengkapi Internet. Kami akan cuba memajukan OctoCast supaya boleh digunakan pada set komputer peribadi yang kecil, selain telefon selular dari semasa ke semasa," katanya.

Pada sesi taklimat itu, pihak media turut berpeluang meneliti operasi OctoCast, termasuk sesi temubual di antara wartawan Octopus Online (Bahasa Melayu), Abie Abdullah dan wartawan Octopus Online (Bahasa Inggeris), Wong Tai Leong, bersama artis terkenal, Khadijah Ibrahim (Khaty).

Temubual itu lebih bertumpu kepada urusan pengedaran, pemasaran dan promosi album terbarunya, Terbang Pulang yang dijual kira-kira 3,000 unit sejak dua bulan lalu, selain kerjayanya sebagai penghibur profesional.

Turut dipaparkan perkembangan perniagaannya seperti katering, hiasan dalaman, salon kecantikan di Malaysia mahupun luar negara.

Khaty turut bercerita mengenai pengalaman, cabaran dan suka duka sebagai ibu tunggal, terutamanya ketika membesarkan dua anaknya, Siti Hajar dan Mohd Khairul Abdul Rashid.

Sementara itu, Pengurus Kanan - Kandungan Laman Web (Bahasa Melayu) Octopus Online, Zainuri Misfar, berkata, Khaty adalah artis tempatan pertama terpilih untuk ditemubual menerusi OctoCast.

Sehubungan itu, Cosmos Discovery berharap lebih banyak artis tempatan, sama ada penyanyi, pelakon dan pengarah filem dapat ditemubual menggunakan perkhidmatan interaktif itu.

"Kalau boleh, kami tidak mahu ia hanya bertumpu kepada artis tempatan, sebaliknya penggiat seni di peringkat antarabangsa.

"Malah, ketika ia mula beroperasi tiga bulan lalu, percubaan kami menemubual pelakon terkenal, Michelle Yeoh mendapat respon menggalakkan," katanya.

Menurutnya, setiap artis tempatan mahupun antarabangsa yang terpilih untuk menjayakan temubual menerusi OctoPost berpeluang menghasilkan laman web mereka dalam versi bahasa Melayu, bahasa Inggeris dan Cina.

Ketika ini, salah sebuah syarikat bersekutu HVD Entertainment itu berjaya menghasilkan laman web untuk artis tempatan seperti XPDC, Siti Nordiana, Hattan, Wardina Saffiya, Intan Sarafina dan Khaty.

"Kami akan cuba mempertingkatkan jumlah ini dari masa ke masa. Pada masa yang sama, kami akan terus melaksanakan pelbagai strategi pemasaran dan promosi Octopus Online, OctoCast dan perkhidmatan interaktif lain termasuk OctoDollar, OctoBid, OctoXchange, OctoBazaar dan OctoKiosk," katanya.

Octopus Online mula beroperasi pada 26 Februari tahun lalu dengan menggunakan alamat www.octopus.com.my yang dikendalikan Cosmos Discovery.

Selain bahasa Melayu, Octopus Online yang turut beroperasi dalam bahasa Inggeris dan bahasa Cina mempunyai purata 25 juta pengunjung sejak setahun lalu, sekali gus menjadikannya laman web hiburan tempatan terlaris ketika ini.

(END)